

## **FORMAT PERTANDINGAN PIDATO BAHASA ARAB**

KATEGORI : Menengah Rendah & Menengah Atas

PENYERTAAN : Menegah Rendah : Semua MRSM

Men Atas : MRSM Ulul Albab

### **PENYERTAAN:**

1. Penyertaan diwajibkan kepada semua MRSM Ulul Albab untuk menghantar 2 orang peserta (1L & 1P) bagi kategori Menengah Atas. Manakala MRSM Mini Ulul Albab hanya menghantar seorang wakil sahaja bagi kategori menengah atas.
2. Penyertaan bagi kategori menengah rendah diwajibkan bagi setiap MRSM untuk menghantar seorang peserta.
3. Peserta bagi Pertandingan Pidato Bahasa Arab dan Taranum Tafsir adalah terdiri daripada peserta yang sama.
- 4.

### **TEMA:**

*“Cinta Rasulullah”*

### **UNDIAN GILIRAN**

- 1) Undian giliran pasukan hendaklah dibuat serentak semasa pendaftaran yang ditentukan oleh jawatankuasa pertandingan.
- 2) Peserta hendaklah memilih sendiri nombor undian.
- 3) Sekiranya peserta atau wakil peserta, hadir lambat atau tiada di tempat undian, maka undian akan dibuat oleh jawatankuasa penganjur.

## **PERATURAN PEMARKAHAN:**

### **1. Peraturan Pemarkahan Pidato**

- Pembahagian markah :

#### i. Isi (25 markah)

1. Pemidato akan diadili dari segi pengutaraan isi-isi yang bernes, data-data dan
2. bahan-bahan yang tepat serta logik, termasuk penghuraianya.
3. Panduan pemarkahan: [Rujuk borang pemarkahan].
4. Isi yang diperlukan ialah sebanyak 5 isi.

#### ii. Bahasa (20 markah)

- Pemidato akan diadili dari segi penguasaan bahasa yang baik, jelas dan tepat (struktur dan sebutan) serta gaya bahasa yang berkesan iaitu tepat kepada maksud yang hendak disampaikan.

#### iii. Penyampaian (45 markah)

- Pemidato akan diadili dari segi persembahan yang lancar, kesesuaian nada serta persembahan yang meyakinkan penonton. Perlu menunjukkan gaya yang menarik dan susunan idea yang tertib.

#### iv. Adab (5 markah)

- Kritikan terhadap isu-isu sensitif seperti agama, bangsa kebudayaan dan peribadi serta perlakuan atau tutur kata yang kurang sopan akan menyebabkan kehilangan markah tersebut.

#### v. Markah bonus (5 markah)

- Pemidato akan diadili dari segi keseluruhan persembahan dan perawakannya.
- Jika didapati dua atau lebih peserta yang mendapat markah yang sama, maka untuk menentukan pemenangnya hendaklah diambil kira siapa yang mendapat markah tertinggi dalam kombinasi markah bagi isi dan cara penyampaian. Jika masih juga terdapat persamaan, kombinasi bagi isi, cara penyampaian dan bahasa dijadikan asas penentuan.

vi. Panduan Kepada Jemaah Hakim:

- Pemidato-pemidato diadili dari segi pengutaraan isi-isi yang bernes, data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraianya; persembahan yang lancar, kesesuaian nada serta persembahan yang meyakinkan; penguasaan dan penggunaan bahasa yang jelas; dan gaya bahasa yang sesuai serta kesopanan dan perawakan, bukan dari segi untuk mendapat sokongan penonton-penonton melalui tepuk sorak.
- Pemidato-pemidato yang membaca nota-nota atau teks-teks mereka semasa berpidato akan dipotong markah.
- Markah juga dipotong kepada pemidato-pemidato yang menggunakan bahasa atau tutur kata yang kurang sopan.

#### **KAEDAH PERTANDINGAN**

- 1) Pemidato akan diberi masa selama 7 minit sahaja untuk berpidato.
- 2) Loceng akan dibunyikan sekali ketika 1 minit sebelum masa tamat dan loceng akan dibunyikan dua kali apabila masa tamat.
- 3) Apabila loceng berbunyi dua kali menunjukkan masa telah tamat dan markah tidak akan diberikan oleh hakim kepada peserta yang masih berpidato selepas masa tamat.
- 4) Penggunaan bahasa dan tutur kata yang kurang sopan adalah dilarang sama sekali
- 5) Pengerusi majlis berhak menegur pemidato yang melanggar peraturan di atas.
- 6) Peserta hanya boleh memulakan pidato mereka setelah menerima kebenaran daripada hakim untuk memulakannya.
- 7) Pemidato hendaklah hadir di tempat pertandingan tiga puluh minit (30 minit) lebih awal untuk tujuan pengesahan pertandingan
- 8) Setiap peserta perlu menghantar salinan teks pidato kepada pihak penganjur pada hari pendaftaran.
- 9) Keputusan panel hakim adalah muktamad. Segala bentuk rayuan dan bantahan sama ada dalam bentuk lisan atau penulisan tidak dilayan sama sekali.
- 10) Pihak penganjur berhak terhadap sebarang perubahan dalam corak dan syarat pertandingan bagi memastikan kelancaran pertandingan.

#### **PERINGATAN**

1. Keputusan panel hakim adalah muktamad. Segala bentuk rayuan dan bantahan sama ada dalam bentuk lisan atau penulisan tidak dilayan sama sekali.
2. Sebarang pertanyaan berkaitan **Pertandingan Pidato Bahasa Arab** boleh menghubungi penyelaras pertandingan iaitu **Ustaz Mohd Afif Bin Husain** di talian **017-9321006**.
3. Tarikh tutup pendaftaran penyertaan (secara atas talian) : **16 Jun 2017 (Jumaat)**.